

Laluan baru elak banjir

Penduduk syor MPKj besarkan longkang di Jalan CP3/26 Cheras Perdana atasi limpahan air

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar

CHERAS: Bagi kira-kira 500 penduduk di Jalan CP3/26 Cheras Perdana dekat sini, tiada apa yang lebih menggembirakan mereka selain daripada masalah banjir yang membelenggu sejak beberapa tahun lalu dapat diatasi segera. Hingga kini penduduk di kawasan berkenaan masih lagi meneka dalam kesamaran kerana belum ada satu penyelesaian dicapai untuk memastikan mimpi ngeri mereka itu berakhir.

Penduduk mendakwa, sejak 16 tahun lalu dan setiap kali hujan lebat, kawasan itu termasuk kediaman mereka akan dinaiki air yang ada masanya sehingga ke paras lutut berikutan limpahan air daripada longkang yang terletak di sekeliling kawasan kediaman mereka.

Mereka berkata, kedudukan kawasan

perumahan yang lebih rendah dan sistem perparitan yang tidak efisien, memburukkan lagi keadaan ketika hujan lebat sekali gus mengganggu ketenangan hidup penduduk.

Tinjauan *Sentral* ke kawasan berkenaan baru-baru ini mendapati, keadaan perparitan yang tidak sistematik menyebabkan laluan air tersekat kerana salurannya

“Bulan lalu, air naik hingga paras lutut menyebabkan banyak perkakas dan perabot rumah kami rosak”

sempit sekali gus mengakibatkan air melimpah, terutama ketika hujan lebat.

Sehubungan itu, penduduk mendagangkan supaya Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dapat membuat satu laluan baru serta meluaskan lubang longkang sedia ada kerana mendakwa ia punca sebenar banjir berlaku di kawasan mereka.

Kakitangan kerajaan, Mahmud Sayuti, 52, berkata kadang kala laluan longkang yang kecil itu akan tersekat dengan sampah sarap dari kawasan sekitar perumahan berkenaan menyebabkan ia gagal berfungsi.

“Tahun ini saja sudah beberapa kali banjir dan dalam kejadian terbaru rumah saya dimasuki ular yang datang melalui limpahan air. Saya juga terpaksa menanggung kerugian apabila kebanyakan perkakasan rumah kami rosak akibat ditenggelami air,” katanya ketika ditemui

baru-baru ini.

Peniaga, Tony Lai, 52, berkata dia menetap di Cheras Perdana sejak 10 tahun lalu dan sudah tidak tahan untuk menghadapi situasi berkenaan.

“Paling membimbangkan ialah keselamatan kami yang terdedah kepada kemungkinan terkena arus renjatan elektrik, justeru kami berharap projek meluaskan serta membina laluan longkang baru dapat dipercepatkan oleh pihak berkuasa,” katanya.

Seorang lagi penduduk, Rasnah Jurim 50, berkata beliau sekeluarga tidak tahu sehingga bila akan terus berdepan dengan masalah itu.

“Apabila hujan hati kami sudah berdebar. Kami perlu bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan dengan mengemas peralatan dan barangan ke tempat yang lebih selamat,” katanya.

ZULKARNAIN AHMAD | BERITA HARIAN

TIDAK SESUAI: Tony (kiri) dan Mahmud menunjukkan keadaan longkang sempit di kawasan perumahan mereka.